

PENGGUNAAN LAMAN WEB DAN APLIKASI DALAM PENGAJARAN HADIS DI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

THE USAGE OF WEBSITES AND APPLICATIONS IN TEACHING HADITH AT SELANGOR ISLAMIC UNIVERSITY

Suriani Sudi, Rosni Wazir, Siti Murshida Mohd. Zin¹

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS)

* Corresponding Author: Suriani Sudi Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS).
019 6554746

Keywords:

*Hadis; information
technology; Industrial
Revolution 4.0; web;
teaching*

ABSTRACT

The usage of information technology in the learning process is very important in tandem with the development of today's modern educational world. The integration of the use of technological media also makes the learning process more interesting and productive. This study will look at the extent of the use of the web as an aid to teach in the classroom by hadith lecturers at Islamic University Selangor. Studies used qualitative methods by interview. A total of seven lecturers from Selangor Islamic University (UIS) were interviewed for this purpose. Although all lecturers know the names of hadith websites, studies have found that there are still lecturers who maintain traditional teaching without using the web or the application of hadith when teaching. These findings are seen to be closely related to their level of belief in the hadith website. Thus, to face the Industrial Revolution 4.0, the ability to leverage and exploit the internet is needed. It can be done by improving the use of technology as an educational aid.

Kata Kunci:

*Hadis; teknologi maklumat;
Revolusi Perindustrian 4.0;
web; pengajaran*

ABSTRAK

Penggunaan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran adalah sangat penting seiring dengan perkembangan dunia pendidikan moden masa kini. Pengintegrasian penggunaan media teknologi juga menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan produktif. Jesteru kajian ini akan melihat sejauh mana penggunaan web sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas oleh pensyarah hadis di Universiti Islam Selangor (UIS). Kajian menggunakan metode kualitatif secara temubual. Seramai tujuh orang pensyarah hadis Universiti Islam Selangor ditemubual untuk tujuan ini. Walaupun kesemua pensyarah mengetahui nama-nama laman web hadis, namun kajian mendapati masih terdapat pensyarah yang mengekalkan pengajaran secara tradisional tanpa menggunakan langsung web mahu pun aplikasi hadis ketika mengajar. Dapatan ini dilihat berkait rapat dengan tahap kepercayaan mereka terhadap laman web hadis tersebut. Maka, untuk berdepan Revolusi Perindustrian 4.0, keupayaan untuk memanfaatkan dan mengeksplotasi internet diperlukan. Ia boleh dilakukan dengan menambah baik penggunaan teknologi sebagai bantuan pendidikan.



1. Pendahuluan

Salah satu aspek terpenting dalam ilmu Islam ialah pengajian hadis. Pengajian hadis dibentuk secara tidak langsung seiring dengan tuntutan sebagai sumber dalil dalam syariat agama, sesuai dengan statusnya sebagai sumber kedua dalam Islam. Kajian hadis dilihat berkembang baik dalam bentuk formal mahupun tidak formal sebagai ilmu yang berkembang seiring dengan ajaran Islam.

Menurut Hasnuddin Bin Ab Rahman et al. (2015) satu anjakan paradigma dalam pengajian hadis amat perlu dengan menggunakan teknologi sebagai metodologi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk membantu pengajaran dan pembelajaran pada abad kedua puluh satu. Pengajian hadis perlu bersaing untuk mendepani Revolusi Industri 4.0 ini sebagaimana yang turut dinyatakan oleh Mohd Muhiden Abd Rahman & Zainab Asbullah (2012) agar pengajian hadis mendapat tempat yang sewajarnya dalam masyarakat Islam pada masa kini.

Kemajuan teknologi telah menambahkan dimensi baru kepada pengajian hadis. Bagi membantu masyarakat umum dan pelajar khususnya, kajian atau penyelidikan hadis boleh dilakukan dengan menggunakan pelbagai perisian. Keupayaan untuk menggunakan dan menggunakan Internet untuk tujuan mencari, memindahkan, menyimpan dan memadamkan maklumat menggunakan sistem dan perisian elektronik telah menjadi satu keperluan. Ini adalah persoalan agama, iaitu soal pencarian teks al-Quran dan hadis itu sendiri. Dari satu segi, hadis dan ayat al-Quran tidak lagi dirujuk semata-mata dalam sumber bercetak, tetapi juga melalui carian internet berdasarkan perisian, laman web, blog peribadi, dan sebagainya (Khadher Ahmad 2019). Tambahan pula, dengan adanya teknologi, maklumat agama dapat disebarkan dengan cepat ke seluruh dunia. Maka kemahiran menggunakan teknologi perlu dipertingkatkan dan seterusnya dipastikan agar ia digunakan mengikut prinsip syarak (Halim et al., 2016).

Justeru, pengajian hadis juga perlu kepada perubahan hasil Revolusi Industri 4.0. Kita memerlukan institut pendidikan tinggi yang lebih fleksibel dan bersedia mengharungi cabaran baharu agar mana-mana golongan masyarakat tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital. Bidang pendidikan adalah teras hadapi cabaran baharu Revolusi Industri 4.0.

Berdasarkan kepada carian yang dilakukan, telah terdapat beberapa usaha penyelidikan yang dilakukan terhadap beberapa laman web dan aplikasi hadis. Shahril Nizam Zulkipli (2012) dalam kajian di peringkat sarjana (master), beliau telah meneliti laman web al-Darul al-Saniyyah dan Islamweb dalam konteks pemeliharaan hadis di internet. Kajian ini menjelaskan bahawa kedua-dua laman web ini telah menjadi rujukan dalam kalangan penyelidik dan pelajar dalam bidang hadis khususnya dalam carian dan mendapatkan maklumat berkenaan sumber dan status hadis. Bahkan, dalam tulisan beliau yang lain, Shahril Nizam et. al, (2011) turut memperincikan perbincangan terhadap terhadap laman Islamweb sebagai medium capaian dalam pembelajaran bagi capaian teks hadis yang berautoriti.

Phayilah Yama et.al (2020) telah membangunkan sebuah laman web yang diberi nama *Syajarat al-Asanid* sebagai salah satu medium pengajaran masa kini yang menggunakan teknologi maklumat. Ia direka khas bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar dan orang awam berkaitan ilmu *Takhrij al-Hadith* dalam memahami susunan sanad dan menggambarkan rantaian sanad perawi dalam gambarajah yang tepat, seterusnya menjadikan pembelajaran ilmu tersebut lebih menarik dan inovatif.

Kemajuan teknologi telah memberikan satu sumbangan yang besar kepada pendidikan Islam terutamanya pengajian hadis (Shumsudin Yabi 2017) Ramai pengkaji hadis telah berusaha untuk memanfaatkan teknologi yang ada dengan membina satu pengajian berbentuk atas talian iaitu dengan menggunakan website. Diantara website yang sering digunakan ialah *al-Darul al-Saniyyah*, *Mawqi' al-Islam* dan *Islamweb* (Zulkipli, Yaacob, Anas, Noor, et al., 2017). Website ini membolehkan pelajar untuk mencari hadis atau muat turun untuk dijadikan sebagai rujukan. Website ini menyediakan banyak forum dalam



talian yang membincangkan hal yang berkaitan dengan takhrij hadis dan juga menyediakan kemudahan untuk carian hadis.

Pencarian hadis boleh juga dilakukan melalui perisian telefon mudah alih. Kajian yang dilakukan oleh Zulkipli, Yaacob, Anas, Syukri, et al. (2017) dengan menggunakan tiga perisian terbaik untuk proses takhrij hadis iaitu 9 Imam Encyclopedia, *Kutub Tis'ah* dan *al-Hadis al-Nabawi al-Syarif*. Keputusan daripada kajian tersebut membuktikan bahawa ketiga-tiga perisian memberikan akses yang pantas kepada hadis sebagai media elektronik. Pengajian hadis juga boleh dilakukan dengan menggunakan perisian komputer. Contoh yang selalu digunakan ialah *al-Maktabah al-Syamilah* dan *Jawami' al-Kalim*. Perisian ini menggunakan Bahasa Arab dan boleh mengakses hadis dengan begitu mudah (Hassan et al., 2016).

Selain itu, kajian A. Irwan Santeri Doll Kawaid, et. al (2018) mendapati kebanyakan pensyarah bidang hadis di universiti awam Malaysia mengetahui dan mahir menggunakan aplikasi ICT berkaitan hadis, malah para pensyarah turut menerima baik dan mengaplikasikannya dalam pengajaran dan pembelajaran kursus berkaitan hadis. Suriani (2020) juga mendapati, pengajaran hadis di institut pengajian tinggi di Malaysia telah berkembang seiring dengan Revolusi Industri 4.0. Pengajaran hadis di institut pengajian tinggi Malaysia juga telah disepadukan dengan teknologi maklumat dan majoriti pensyarah hadis di institut pengajian tinggi Malaysia tahu dan mahir menggunakan aplikasi berkaitan hadis. Namun masih terdapat beberapa pandangan yang kurang bersetuju dengan integrasi sepenuhnya antara pengajian hadis dengan ICT kerana bagi pandangan mereka, unsur-unsur keaslian ilmu hadis perlu dikekalkan.

Menurut Mesbahul et.al (2017), teknologi inovatif telah berubah menjadi instrumen penting untuk pengajaran dan pembelajaran. Ini menjadikan pengajian hadis menjadi lebih mudah dan menyeronokkan. Sebagai contoh, mencari sumber hadis dan menentukan kesahihannya menjadi lebih mudah diakses oleh alat teknologi. Kajian yang dilakukan di kalangan pelajar ijazah di Jabatan Al-Quran dan Sunnah di sebuah universiti awam di Malaysia untuk menghargai kesan teknologi moden terutamanya aplikasi perisian dan laman web untuk mempelajari hadis menunjukkan 68% peserta percaya bahawa penggunaan perisian dan laman web dapat meningkatkan pengajian hadis dan ilmunya.

Dapat disimpulkan bahawa pengajian hadis di institut pengajian tinggi di Malaysia perlu lebih bersedia untuk menghadapi perkembangan revolusi ini dan menerapkan elemen-elemen Revolusi Industri 4.0 dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan. Persediaan yang lebih baik diperlukan oleh semua pihak terutamanya pihak institusi pengajian di Malaysia di dalam menghadapi kepesatan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Para pendidik juga perlu diberikan kemahiran yang secukupnya dan pihak institusi pengajian di Malaysia perlu melakukan persediaan yang lebih baik dalam menghadapi kepesatan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (Suriani 2022). Menurut Hashim et. al (2016) dan Quah Wei Boon (2020) sekiranya kemahiran menggunakan teknologi yang masih belum dikuasai sepenuhnya oleh para pensyarah mahupun guru untuk mengendalikan dan memanipulasi sesuatu alat juga akan menyebabkan kelancaran penyampaian isi pengajaran terganggu dan menjadi tidak berkesan.

Justeru, kajian ini dibuat untuk melihat dan meninjau sejauh mana pensyarah hadis di Universiti Islam Selangor menerapkan elemen e-pembelajaran iaitu penggunaan web dan aplikasi hadis sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas pengajaran hadis di Universiti Islam Selangor.

2. Metodologi

Kajian dijalankan secara kualitatif dengan kaedah temu bual. Temu bual dilakukan secara lisan dan jawapan direkod melalui rakaman media elektronik. Temubual yang dijalankan adalah temubual berstruktur. Soalan yang ditanya kepada setiap responden adalah sama supaya maklumat yang dikumpul dapat dibezakan dengan tepat. Temubual telah dijalankan terhadap tujuh orang pensyarah hadis di Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Temubual yang dijalankan adalah untuk melihat pengetahuan dan keyakinan pensyarah terhadap web-web hadis seterusnya untuk meninjau sejauh mana para pensyarah menggunakan laman web hadis sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas.



3. Dapatan dan Analisa

Mesbahul Hoque et. al (2017) menjelaskan bahawa laman web adalah penyokong terbaik untuk pengajian Hadis. Sebilangan besar laman web Islam telah diwujudkan dengan matlamat untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan tentang Hadis dan ilmunya. Beberapa laman web Islam menyediakan program Hadis yang mampu melakukan pelbagai aktiviti seperti buku Hadis elektronik, 'Takhrij' automatik, dan klasifikasi hadith. Menurut Khader Ahmad (2019) pula, hadis dan ayat-ayat al-Quran tidak lagi dirujuk hanya melalui bahan bercetak, tetapi pencarian telah pun dirujuk melalui carian internet berdasarkan perisian, laman web, blog peribadi dan sebagainya.

Untuk itu, menurut Zaidatun Tasir et al. (2011), mencari dan menilai maklumat di internet adalah kritikal dan harus bermula pada tahap paling asas. Dengan kemunculan teknologi pada masa kini, kepakaran berkaitan laman web amat penting bagi pensyarah yang merupakan tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi. Pensyarah juga harus mengikuti perkembangan teknologi yang bergerak pantas dan menyesuaikan diri dengan pendidikan abad ke-21 (Mohamad 2009; Rajanathan, & Zainul, 2020).

Penulis telah memulakan pertanyaan berkaitan pengetahuan pensyarah tentang laman-laman web hadis kerana bagi penulis perkara ini adalah asas. Berdasarkan kepada penelitian, kesemua pensyarah pengajian hadis di UIS yang ditemui bual dapat memberikan nama beberapa laman web hadis yang mereka tahu seperti *Maktabah Syamilah*, *Dorar.net*, *Waqfeya*, *Sonna Online*, *CariHadis.com*, *Lidwa*, *Islamweb* dan *Noor-book.com*.

P1: "*Macam Dorar.net kan. So, ada juga waqfeya*"

P3: "*Laman-laman web hadisnya ialah Maktabah Syamilah, ataupun tengok dekat Dorar.net*"

P4: "*Banyak, al-Maktabah al-Syamilah, Dorar.net, Islamweb, Waqfeya*"

Malah mereka juga mengetahui fungsi beberapa laman web tersebut seperti Islamweb sebagai e- perpustakaan dan untuk mentakhrij, laman web *Waqfeya.com* yang mengumpulkan kitab-kitab PDF dan laman web yang menyediakan terjemahan hadis.

P2: "*Antara laman web yang saya gunakan ialah ad-Dorar As-Saniyah, bahagian Mawsu'ah, al-Hadis, kemudian laman web Jami' al-Hadis an-Nabawi, dan juga ada laman web Mawsu'ah al-Hadith al-Sharif, dia ada satu lagi laman web CariHadis.com. Cuma laman web itu, dah diberhentikan. Aah ya, Islam Web pun ada juga. Yang itu berbentuk library seperti al-Maktabah al-Syamilah, sama ada yang online atau pun yang berbentuk perisian dan juga Maktabah al-Waqfeya yang menghimpunkan kitab PDF dan juga beberapa lagi lah laman web Maktabah ni*"

P5: "*Ada seperti maktabah syamilah, hadith.net dan hadith.com. Noor book. Noor-book.com. di situ ada pdf percuma dan juga kitab. Kalau yang bahasa melayu, ada pelajar bukan fakulti kita guna tapi saya tak ingat namanya. Dia Bahasa melayu, tiada Bahasa Arab. Dia terjemahan sahaja, rasanya projek UITM. Tapi kelemahannya dia tiada matan Arab. Ye dia terjemahan sahaja*"

P6: "*Ada banyak website tapi saya suka refer maktabah syamilah yang offline tu dan Islam.web dan carian hadis untuk terjemah. Ada juga lagi satu web untuk belajar takhrij hadis. Untuk bagi contoh-contoh budak saya selalu guna sajaratul asanid*"

"*Kalau Islam.web tekan nama dia terus keluar biodata. Kalau takhrij tekan sahaja hadis terus keluar semua buku-buku yang ada hadis sama tu.*"

P7: "*Di antaranya ialah Islam.web, Maktabah Syamilah, Sonna Online, Dorar.net, al-Hadith.com. Kemudian kebiasaannya mencari daripada nama subjek, biasanya akan keluar banyak. Yang online ialah Islam.web, Dorar.net yang berkaitan dengan jenis-jenis hadis, kemudian ada yang berkaitan dengan kitab-kitab yang dikumpulkan dalam bidang hadis. Tapi kalau macam Lidwa.com, menariknya hadisnya lah, tapi tidak semua kitab-kitab hadis ada. Kutub Tis'ah itu ada. Jadi kita nak cari dengan bentuk graf pun boleh, biografi kepada perawi pun boleh kemudian kita boleh cantum-cantumkan banding-bandingkan dengan hadis yang lain*"



Penulis seterusnya bertanyakan tentang tahap kepercayaan pensyarah terhadap laman-laman web hadis dan setakat manakah mereka yakin dengan keotoritian laman-laman web tersebut sebagai sumber rujukan. Berdasarkan penelitian pensyarah pengajian hadis di UIS, sebahagian menjelaskan mereka mempunyai keyakinan terhadap otoriti web-web yang dilayari.

P1: “Ya...percaya”

P2: “Ohh.. saya yakin.

P3: “Setakat ini saya yakin, sebab laman web yang saya tengok itu ialah berautoriti seperti Bin Baz, Uthaimin, Islam Web, Munajjad kemudian Jakim.”

Sebahagiannya menjelaskan bahawa mereka percaya kepada laman web yang dilayari adalah kerana laman-laman web tersebut masyhur dan tidak dipertikaikan lagi akan keabsahannya. Malah lama laman web tersebut mempunyai barisan panel pakar yang diiktiraf malah laman web sentiasa menambahbaik isi kandungan laman webnya seperti laman web *Maktabah Syamilah*.

P4: “Okay saya yakin content atau pun apa jua perisian hadis dari laman web hadis itu yang diperkenalkan itu, saya yakin dengan content yang betul. Sebab bila kita nak takhrij kan hadis contohnya, kita akan takhrij hadis berdasarkan laman web, tentunya hasil daripada laman web itu adalah perisian-perisian yang dibuat oleh al-Mubarak wal Musaqaffin. Mereka-mereka yang pakar dalam bidang. Jadi bagi saya content-content yang dibuat oleh laman web yang dipercayai ini contohnya al-Maktabah al-Syamilah. mereka sentiasa melakukan takdisat ataupun update kepada perisian, dan itu sangat membantu. Kita sebagai seorang tenaga pengajar PdP, tentunya kita tahu madmun yang terdapat dalam, ataupun content yang terdapat dalam perisian tersebut, dan saya dengan penuh yakin sekali lagi memang laman web tersebut memang okay dengan buku-buku yang terdapat di dalamnya pun boleh dipercayai.”

P5: “Keyakinan kalau secara umum, kita rasa memang yakinlah. Setakat ni takdelah jumpa apa-apa sample kes terpencil yang ada kesilapan ke apa. 90% lah kita rasa memang yakinlah. Maktabah syamilah dah masyhur. Takhrij memang kena buat macam tu la. Kalau mussola tak sampai peringkat tu kerana tidak ada keperluan.”

Secara keseluruhannya didapati, pensyarah hadis di UIS mempunyai kepercayaan terhadap laman-laman web hadis. Namun demikian, P6 menyatakan walaupun beliau telah lama menggunakan laman web untuk mentakhrij akan tetapi masih juga sedikit berhati-hati terutama berkaitan sanad dan matan hadis.

P6: “Kalau saya, yakin juga... Saya dah guna maktabah syamilah ni dah lama dari zaman saya buat master lagi sebab tak upgrade lagi. Kalau kita guna maktabah syamilah tu mesti ada matan matan tu dari kitab asli dia. Kena tengoklah takut terputus ke terjatuh ke. Sama juga sekarang dah upgrade pun masih rujuk buku atau kitab pdf tu sebab takut lagi la kiranya tak yakin sepenuhnya lagi lah.”

P7 pula mengatakan bahawa beliau tidak mempunyai keyakinan secara sepenuhnya terhadap penggunaan aplikasi ICT berkaitan hadis dan perlu bergantung kepada sumber yang lain juga.

P7: “Saya nak yakin 100% itu tidaklah, jadi kita kena ambik dengan yang lain juga. Mungkin dari sudut lain kata dhaif, dan bandingkan dengan lain okay saja dari segi darjatnya. Kadang berlaku juga dari segi faktor kethiqahan di kalangan ahli hadis, kepada perawi tersebut. Sebagai contoh, Syeikh al-Albani, dia letakkan hadis itu sahih kerana kethiqahannya terhadap perawi-perawi tersebut. Mungkin juga yang lain pula tidak thiqah. Jadi darjat hadis tersebut turun.”

Menurut Dr Khafidz Soroni (2022), Ketua Unit Hadis INHAD, penerimaan terhadap satu-satu laman web hadis adalah mengguna pakai kaedah usul fiqh iaitu *at-Talaqqi bi al-Qobul*. Kaedah *at-Talaqqi bi al-Qobul* ini adalah satu kaedah yang bermaksud apabila satu-satu maklumat itu diterima oleh ramai orang atau sangat ramai orang



maka ia menjadi satu bukti ataupun *Qarinah* yang menunjukkan bahawa maklumat tersebut adalah betul. Ia adalah kaedah usul fiqh. Walaupun *at-Talaqqi bi al-Qobul* ini rendah sedikit berbanding mutawahir namun ia adalah satu penerimaan umum. Menurut Dr Khafidz Soroni (2022) juga, usaha yang dibuat ini, bukan baru 5-6 tahun malah ia adalah usaha sejak 30 tahun yang lalu. Maka kesalahan kesilapan itu mungkin dah berlalu 30 tahun yang lalu, jadi peratus kesilapan semakin sedikit.

Penulis seterusnya bertanyakan tentang isu utama dalam kajian iaitu berkaitan penggunaan web-web hadis sebagai bahan bantu mengajar di dalam kelas. Berdasarkan hasil penelitian, hanya empat daripada tujuh orang pensyarah di UIS menyatakan bahawa mereka kerap mengakses web untuk mengajar. Secara umumnya antara laman web hadis yang kerap dibuka oleh pensyarah UIS ketika mengajar adalah Islam web, al-Dorar As-Saniyah, al-Maktabah al-Syamilah dan Waqfeya. Subjek yang mereka ajar sememangnya menuntut mereka untuk mengakses laman web ketika mengajar sebagai contoh subjek al-Takhrij, dirasah asanid dan hadis hukum.

Antara laman web yang menjadi pilihan pensyarah yang mengajar subjek *al-Takhrij* adalah *Islam web* dan *Dorar.net* kerana ianya mudah dan cepat untuk diakses sebagaimana dijelaskan oleh responden;

P2: "Takhrij hadis ini memang memerlukan mereka untuk rujuk laman web. Haa dia ada kalau untuk takhrij hadis dia ada dua, satu al-Mawsu'ah al-Hadis dan satu lagi yang untuk status hadis ad-Dorar As-Saniyah, yang bahagian Mawsu'ah al-Hadis"
"Yang Dorar.net/hadis... yang itu untuk status hadis. Tapi kalau untuk takhrij dia kena guna Mawsu'ah al-Hadis. Nama link itu tak ingat. Tak silap dia bawah laman Islam Web"

"Saya guna dua ini sebab dia cepat berbanding yang lain-lain. Kalau Jami' al-Hadis pun sama bagus cuma dia lambat sikit. Kita nak access itu lambat sangat, walaupun dia sangat bagus dan lengkap. Kita tak tahu kadang-kadang pelajar ini, dia tak ada talian internet yang bagus di rumah, jadi kita tahu, kita boleh cadangkan yang mudahlah"

Islam web juga menjadi pilihan kerana ia menyediakan pelbagai maklumat yang diperlukan di satu tempat seperti maklumat tentang buku, maklumat tentang perawi dan sebagainya.

P6: Yang saya selalu guna dua tu sahaja, Islam web dan maktabah syamilah. Kalau Islam web tekan nama dia terus keluar biodata. Kalau takhrij tekan sahaja hadis terus keluar semua buku-buku yang ada hadis sama tu"

Antara aplikasi yang menjadi pilihan juga adalah aplikasi *Shajaratul Asanid*. Aplikasi adalah sebuah aplikasi yang baru sahaja dibangunkan dan ia membantu pelajar untuk lebih memahami subjek dirasah asanid kerana ia bersifat interaktif yang membuatkan pelajar lebih faham terhadap apa yang diajar. Selain itu, pensyarah juga memilih perisian *Maktabah Syamilah* sebagai bahan bantu mengajar untuk menambah kefahaman pelajar terhadap subjek ini.

P6: "Ada juga lagi satu web untuk belajar Takhrij hadis. Untuk bagi contoh-contoh budak saya selalu guna shajaratul asanid. Ya betul tu website dia. Cuma buat pokok tak bergerak, kalau apps dia bergerak-gerak. Kalau web tu, tekan tu dia keluar seketul je macam tu. Jadi dia susah nak paham jugaklah."

P4: "Ya ada. Tapi saya bagi dahulu link kepada pelajar contohnya Dirasat Asanid saya akan bagi dalam bentuk tutorial, saya akan bagi link al-Maktabah al-Syamilah, saya bagitahu kepada pelajar mohon klik link pengetahuan tentang al-Maktabah al-Syamilah melalui video orang Arab, fahamkan kat situ. Cuba fahamkan video itu. Nanti kalau ada apa jua persoalan berkenaan video apa sahaja yang tak faham nanti tanya dan saya akan jelaskan lah kat diaorang."

Pensyarah juga merujuk kepada laman web tertentu untuk subjek hadis hukum dan antara laman web yang menjadi pilihan adalah laman web mufti wilayah kerana ia berbahasa Melayu dan pelajar akan lebih faham dengan apa yang dipelajari.

P3: “Ya ada juga saya merujuk kadang-kadang sebab saya mengajar hadis hukum, jadi hadis hukum ini berkaitan dengan fekah. Saya tengok lah macam Bin Baz ke, ataupun Uthaimin ke ataupun selalu saya akan refer kepada laman web mufti wilayah. Sebab dia lagi lebih jelas iaitu menggunakan bahasa Melayu dan dia lebih menyeluruh. Jadi saya lebih suka kalau ambil link itu dan bagi pada pelajar. Jadi pelajar akan tengok sendiri, dia akan baca sendiri. Itu lebih praktikal lah bagi saya”

Kadar kepercayaan pensyarah terhadap laman web hadis dilihat memberi kesan terhadap pengamalan e-pembelajaran subjek hadis di dalam kelas apabila didapati responden kurang keyakinan terhadap laman web juga adalah orang yang sama tidak mengakses web sebagai bahan bantu mengajar ketika di dalam kelas. Dua orang responden jarang-jarang menggunakan laman web atau pun aplikasi sebagai bahan bantu mengajar.

P6: “Ha jujurnya tak selalu lah. Lebih banyak buku fizikal lah atau pun paling banyak pun saya akan search dekat google sebenarnya untuk mendapatkan buku-buku PDF. So saya direct kepada tajuk yang disediakan mana-mana laman web kan. Tapi tak direct dalam laman web tersebut lah.”

P5: “Ada guna tapi tidak keraplah. Kalau di luar, semasa tutorial, jika mereka bertanya memang kena tunjuklah. Atau kita ulang bagi video lah. video penggunaan macam mana nak buka”

Manakala seorang daripada responden menyatakan bahawa beliau tidak pernah membuka web langsung ketika mengajar dan lebih gemar menggunakan kitab dan nota.

P7: “Masa mengajar saya tak buka. Masa mengajar saya banyak menggunakan kitab dan nota.”

Menurut Joseph (2018), orientasi lama yang semata-mata berasaskan membaca dan menulis perlu diperkukuhkan dengan menyediakan orientasi baharu iaitu kebolehan membaca, menganalisis dan menggunakan maklumat daripada data dalam dunia digital, kebolehan memahami sistem teknologi dan keupayaan untuk berinteraksi dengan baik, tidak kaku dan berkarakter. Penggunaan internet dan teknologi dalam PdP juga boleh memberi kesan yang positif dan berjaya membangunkan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar maka ia perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu (Firdaus et. al 2014; Ayla Göl 2011).

Penulis juga bersetuju dengan pandangan Dr Khafidz Soroni (2022), Ketua Unit Hadis INHAD yang menjelaskan bahawa seharusnya para pensyarah seimbang dalam hal begini. Tidak seharusnya menolak terus penggunaan teknologi maklumat dengan hanya menggunakan kitab sahaja ataupun hanya bergantung kepada penggunaan web semata-mata tanpa merujuk kepada kitab. Sebaik-baiknya menggunakan kedua-duanya sebagai bahan pengajaran agar pengajaran lebih seimbang dan mengikut peredaran semasa dan di dalam masa yang sama turut mengekalkan kaedah tradisional. Sebagaimana yang turut dinyatakan oleh Ismail Abdullah & Nur Saadah Khair (2013), Hassan et al., (2016), Fauzi Deraman, Ishak & Faisal (2010) bahawa pembelajaran konvensional perlu digabungkan dengan bentuk pengajaran moden yang menggunakan teknologi maklumat. Walaupun demikian, mereka juga berpendapat pengajian melalui kaedah tradisional tidak boleh diketepikan dan perlu diteruskan agar mencapai objektif pembelajaran yang sepatutnya.

7. Kesimpulan

Hasil dapatan menunjukkan kebanyakan pensyarah hadis di UIS mempunyai pengetahuan berkaitan web-web hadis seperti *Maktabah Syamilah, Dorar.net, Waqfeya, Sonna Online, CariHadis.com, Lidwa, Islamweb* dan *Noor-book.com*. Kebanyakan mereka juga mempunyai kepercayaan terhadap laman-laman web hadis kerana laman-laman web yang dilayari adalah laman web yang mempunyai otoriti, masyhur dan dikenali. Malah sebahagian besar dari mereka juga mengadun penggunaan web hadis di dalam pengajaran mereka. Namun demikian, sebilangan kecil pensyarah hadis di UIS kurang dan tidak menggunakan laman web hadis sebagai bahan bantu mengajar mereka disebabkan mereka tidak mempunyai keyakinan yang penuh terhadap laman web



sebagai sumber rujukan. Oleh itu mereka masih berpegang kepada penggunaan buku sepenuhnya sebagai bahan bantu mengajar. Kesimpulannya, kemahiran memanfaatkan dan menggunakan internet untuk tujuan mencari, memindah, menyimpan dan memadankan maklumat berasaskan kepada penggunaan komputer elektronik dan perisian (software) hakikatnya telah menjadi satu keperluan pada masa kini. Keadaan tersebut dapat dicapai salah satunya dengan cara mengoptimalkan penggunaan teknologi sebagai alat bantu pendidikan. Ia perlu diadun dengan pengajian secara tradisional yang menggunakan buku-buku dan kitab agar pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, seimbang dan mengikut peredaran masa. Kajian ini seterusnya memberikan implikasi terhadap pengajian hadis dalam mendepani era IR 4.0 iaitu keperluan kepada integrasi penggunaan media teknologi dalam pengajaran, memanfaatkan dan mengeksploitasi internet serta menambah baik penggunaan teknologi sebagai bantuan pendidikan untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan produktif.

Rujukan

- Abdul Halim, Anas, N., Zulkipli, S. N., Mohd, M. S., Azmi, A. S., & Hassan, S. N. S. (2016). Prestasi Aplikasi Hadis Digital Berteraskan Technology Acceptance Model (TAM): Suatu Tinjauan Awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 119–129.
- A Irwan Santeri Doll Kawaid et. al. (2018). Pengintegrasian Aplikasi ICT Berkaitan Hadis di Universiti Awam Malaysia. *Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah* Vol. 14, No. 2, (2018), pp. 131-138 ISSN: 1823-4356 | eISSN: 2637-0328
- Ayla Göl. (2011). *Constructing Knowledge: An Effective Use Of Educational Technology For Teaching Islamic Studies In The UK*. *Educ Inf Technol*. (17). 399-416.
- Fauzi Deraman, Ishak Hj Suliaman & Faisal Ahmad Shah. (2010). Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh-Karya-Institusi. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Firdaus, A., Noor, M., Jasmi, K. A., & Khairunnisa, A. (2014). Elemen Kemahiran Pensyarah Cemerlang PI di Politeknik. *The Online Journal of Islamic Education (O-jIE)*, 2(2), pp 1-22.
- Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Long, M. Y., Goje, K., & Said, W. M. (2016). Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran Dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi. In Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2016) (pp. 1–10).
- Hasnuddin Bin Ab Rahman et al., (2015). Keberkesanan Penggunaan ICT di Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. *Proceeding of International Conference On Information Technology & Society* 08. 238-252.
- Hashim, H., Mohd Nasri, S. M., & Mustafa, Z. (2016). Cabaran yang Dihadapi oleh Guru dalam Pelaksanaan Persekitaran Pembelajaran Maya FROG di Bilik Darjah. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 31, 115–129
- Ismail Abdullah & Nur Saadah Khair. (2013). The Implication of Excessive Internet Usage on the Study of Hadith. *Journal of Islam in Asia*, 10(2), 118–128.
- Joseph E Aoun. (2018). Robot-Proof: Higher Education in the Age of Artificial Intelligence. *Journal of Education for Teaching*. 44(4), 519–520
- Khader Ahmad. (2019). Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website Dan Software Hadith. *Prosiding Seminar ICONIMAD 2019 International Conference on Islam in Malay World IX, Krabi, Thailand*
- Mesbahul Hoque Chowdury et. al. (2017). Application of Modern Technology in the Study of Hadith and Its Sciences: A Case Study. *Journal of Computational and Theoretical Nanoscience* 23(5):4773-4776. DOI: 10.1166/asl.2017.8895
- Mohd Muhiden Abd Rahman & Zainab Asbullah. (2012). Realiti Pengajian Hadis di IPT Islam: Suatu Kajian di IPT Islam di Malaysia. *Jurnal Al-Basirah*. (2): 27-46.
- Phayilah Yama, Nur Saadah Hamisan@Khair, Aisyah Mat Jasin, Siti Mursyidah Mohd Zin & Muhammad Aizat Syimir Rozaini. (2020). The Process Of Developing Syajarat Al-Asanid Online: Hadith From Sahih Muslim As A Case Study. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*. Vol. 7 Edisi Khas (Disember 2020): 58-74
- Quah Wei Boon. (2020). Pandemik Covid-19: Mempercepatkan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian (Pdpdt) Di Kolej Komuniti: Isu & Cabaran Yang Dihadapi oleh Pensyarah dan Pelajar. *TVET Think Big*. Kedah: Kolej Komuniti Bandar Darulaman.



Published biannually by:
HADITH AND AQIDAH RESEARCH INSTITUTE (INHAD),
Selangor International Islamic University College (KUIS)
Email: jurnalhadis@kuis.edu.my
Web: www.journal.kuis.edu.my/hadis/
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: 03-8911 7000 Ext: 6129/6130, Fax: 03-8926 6279
Vol. 13, No. 26 (December 2023)

- Syed Najihuddin S.H, et al. (2009). Persepsi Pensyarah Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah Usim Terhadap Penggunaan Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah Dalam Mentakhrijkan Hadis. (Kertas Kerja Seminar Takhrij Hadis Nusantara: Realiti dan Keperluan Dalam Masyarakat di Universiti Malaya, 30-31
- Shahril Nizam Zulkipli, (2012). Pemeliharaan Hadith di Internet: Kajian Terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyyah dan Islamweb. Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Shahril Nizam b. Zulkipli, M. Faiz b. M.Fadzil & Ishak b. Hj. Suliaman. (2011). Pembelajaran Capaian Teks Hadis Berautoriti Di Internet: Kajian Terhadap Laman Sesawang Islamweb. *Sunnah Nabi: Realiti dan Cabaran Semasa*, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya . hal 233-251.
- Suriani Sudi, Siti Mursyidah Mohd Zin, Jannatul Husna Ali Nuar & Rosni Wazir. (2020). Revolusi Industri 4.0 Dalam Pengajaran Hadis di Institut Pengajian Tinggi Malaysia. *Jurnal Hadis*. Vol. 13, No. 24: 9-17
- Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Anas, N., Syukri, M., Abidin, M. Z. H. Z., Ahmat, A. C., & Yakob, M. A. (2017). Takhrij Al-Hadith via Mobile Apps: Study of 9 Imam Encyclopedia , Kutub Tis'ah and Mawsu ' ah al - Hadith al- Nabawi al-Syarif. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(6), 1174–1185. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i6/3351>